

NO. SOALAN: 473

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN
HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

Dato' Haji Mohd Fasiah Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bilangan kedai runcit yang telah dan dijangka diwujudkan di bawah Program Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) 2.0 dan nyatakan strategi yang diambil bagi memastikan KR1M ini mencapai matlamatnya untuk meringankan beban rakyat.

164

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bilangan premis KR1M 2.0 akan lebih banyak dari KR1M sedia ada dan akan memberikan manfaat kepada rakyat, secara umumnya. Pembangunan semula inisiatif KR1M iaitu KR1M 2.0 melalui pelaksanaan model perniagaan baharu akan melibatkan kerjasama strategik antara Kerajaan dengan pihak pengendali operasi, pengeluar dan pengilang seperti konsep berikut:

- i) operasi perniagaan kendalian pemilik (*owner-operator*); dan
- ii) penjenamaan bersama (*co-branding*).

Konsep yang lebih terbuka ini akan memberi peluang kepada lebih ramai pemilik perniagaan runcit menyertai rangkaian premis KR1M 2.0 serta memberi pilihan kepada rakyat untuk memperolehi barangan keperluan asas dan berkualiti pada harga yang lebih rendah berbanding harga pasaran.